



Bersama **FIRKHAN**

sembangict@yahoo.com

## Bendung virus ancam telefon pintar

**S**ERANGAN Malware jenis *Ransomware* mengancam banyak komputer pada masa kini. Bagaimana ancaman *Ransomware* ini pada telefon pintar atau peranti mudah alih dan apakah cara untuk membendungnya?

-Hud, Kajang.

*Ransomware* adalah sejenis Malware yang akan mengunci peranti atau komputer dan memerlukan si mangsa membuat sejumlah pembayaran untuk membuka kembali komputer yang telah dikunci tersebut.

Kebanyakan ancaman *Ransomware* ini menyerang komputer peribadi atau komputer riba yang berasaskan sistem Windows yang tidak dikemas kini.

Namun begitu, apa sahaja jenis komputer termasuklah komputer tablet dan telefon pintar berupaya diserang atau dijangkiti *Ransomware* ini.

Kebiasaannya, sesuatu aplikasi *Ransomware* ini akan berasaskan kepada satu jenis sistem pengoperasian sahaja seperti *Ransomware* WannaCry yang menjangkiti komputer berasaskan sistem pengoperasian Windows.

Antara jenis *Ransomware* yang digunakan untuk menyerang peranti mudah alih atau telefon pintar adalah seperti *Ransomware* yang tersembunyi dalam aplikasi Energy Rescue, From Russia with Malice, Koler A dan lain-lain.

Apa sahaja jenis sistem pengoperasian yang digunakan masih terdedah kepada ancaman serangan *Ransomware* ini.

Seterusnya dibincangkan beberapa langkah yang boleh diambil bagi mencegah berlakunya jangkitan *Ransomware* kepada peranti mudah alih atau telefon pintar.

**1** Pertama sekali, berhati-hati ketika mengeklik sesuatu sambungan dan sebagainya yang tidak diketahui kandungannya dalam e-mel, laman web, mesej dan sebagainya.

**2** Muat turun aplikasi telefon pintar hanya daripada sumber yang dipercayai seperti Google Play Store dan lain-lain.

**3** Sentiasa mengemas kini sistem pengoperasian dan aplikasi yang digunakan untuk menutup kelemahan peranti sedia ada yang boleh dimanipulasi oleh aplikasi *Ransomware* ini.

**4** Penggunaan aplikasi keselamatan seperti perisian keselamatan Internet dan sebagainya. Pastikan juga aplikasi ini sentiasa dikemas kini.

**5** Penggunaan telefon pintar yang berasaskan sistem pengoperasian yang lebih kental pertahanan keselamatannya seperti iPhone yang akan muat naik kemas kini keselamatan secara automatik ke atas semua peranti iPhone.